

11/05/2001

KWSP beku skim anuiti

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Skim Anuiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) digantung sementara pelaksanaannya berkuat kuasa serta-merta, sehingga kajian bagi menentukan siapa yang berhak melaksanakannya sama ada KWSP atau syarikat insurans yang dilantik, selesai.

Pengurus Perhubungan Awam KWSP, Nik Affendi Jaafar, berkata dengan penggantungan itu, semua urusan permohonan pengeluaran mengikut skim itu akan dibekukan sehingga Lembaga KWSP membuat keputusan mengenai kajian berkenaan.

Beliau berkata, jika masih ada permohonan baru diterima dalam tempoh penggantungan itu, KWSP hanya akan mendaftarkan permohonan berkenaan dan tidak akan memprosesnya.

"KWSP juga sedang mengkaji semula bayaran Bantuan Hilang Keupayaan dan Kematian yang kini ditetapkan pada kadar RM2,000 dengan meneliti beberapa cadangan alternatif bagi memperbaiki kuantum bayaran berkenaan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Nik Affendi berkata, jika jumlah bayaran baru Bantuan Hilang Keupayaan dan Kematian itu dipersetujui, maka tarikh berkuatkuasanya akan dikebelakangkan pada 1 Julai 2000.

Semalam, akhbar melaporkan Kabinet bersetuju menggantung sementara Skim Anuiti KWSP sehingga keputusan kajian dikeluarkan.

Sehubungan itu, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menangguhkan piket yang dijadualkan Sabtu ini selama tiga bulan selepas mendapat jaminan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menimbang tiga daripada tujuh tuntutan.

MTUC mempertikaikan beberapa langkah KWSP termasuk pemotongan caruman daripada 11 peratus kepada sembilan peratus, penswastaan skim anuiti, penurunan kadar dividen serta menuntut bayaran untuk kematian dinaikkan semula kepada RM30,000 daripada RM2,000.

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata kajian KWSP mengenai skim insurans anuiti dan faedah hilang upaya akan mengambil kira pandangan dari MTUC.

Beliau berkata, kajian itu yang dijanjikan oleh kerajaan semalam akan disiapkan dalam tempoh tiga bulan dan mengambil kira pendapat dan syor MTUC.

"Isu itu diharapkan dapat diselesaikan apabila kajian itu siap nanti," katanya kepada pemberita pada akhir Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh Asean (ALMM) ke-15, di sini hari ini.

Sehubungan itu, Dr Fong meminta MTUC memberikan kerjasama sepenuhnya kepada KWSP dan kerajaan dalam menyiapkan kajian berkenaan.

Dalam perkembangan berkaitan, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menyambut baik keputusan kerajaan menggantung skim anuiti KWSP sehingga kajian mengenai selesai.

Presidennya, S M Mohamed Idris, berkata skim anuiti dalam bentuk sekarang perlu dipinda bagi membolehkan pekerja mendapat kadar pulangan lebih baik dan pendapatan bulanan yang tinggi sepanjang tempoh persaraan mereka.

Beliau berkata, kajian yang dibuat CAP mendapati adalah lebih baik pekerja mengekalkan wang dalam KWSP berbanding menyertai skim anuiti konvensional yang ditawarkan panel syarikat insurans.

"Tidak terlambat untuk KWSP meminda skim anuiti yang sebelum ini memberi lebih manfaat kepada syarikat insurans berbanding ahli KWSP. Walaupun skim

anuiti menyediakan pendapatan bonus tetapi ia tidak dijamin," katanya.

Sementara itu, Persatuan Insurans Kebangsaan Malaysia (Niam) bagi pihak enam syarikat insurans yang dibenar menguruskan skim anuiti konvensional, memberi jaminan bahawa polisi yang dikeluarkan sebelum ini adalah sah.

(END)